

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

SUK.PHG/PSM.001/2.346 SJ.7 (13)

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
**BILANGAN 12 TAHUN 2010**

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan Berkanun Negeri  
Semua Setiausaha Bahagian  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

YB.Dato' / YH.Dato' / Tuan / Puan,

**PINDAAN PERATURAN PERMOHONAN PERBELANJAAN KEMUDAHAN  
PERUBATAN BAGI RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi **rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)** sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 2009 (PP Bil. 21/2009) dipinda untuk membolehkan permohonan tersebut **dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

3. Sehubungan dengan itu, **semua** perenggan/ penjelasan dalam PP Bil. 21/2009 yang menetapkan bahawa permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi rawatan di IJNSB diluluskan oleh Ketua jabatan adalah dengan ini **dipinda**. Dengan berkuatkuasanya pindaan ini, permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi rawatan di IJNSB bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang layak adalah diuruskan dan **diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.**

4. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

  
(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.,  
AAP., AMP)  
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG.

Tarikh : 26 Oktober 2010

s.k.

TSUK (P)  
TSUK (O)